

25 NOV 1998

SABAH MUNGKIN BINCANG PILIHAN RAYA NEGERI DENGAN MAHATHIR

KOTA KINABALU, 25 Nov (Bernama) -- Sabah akan mengambil peluang daripada lawatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke sini hujung minggu ini bagi membincangkan soal ekonomi dan kemungkinan isu pilihan raya negeri.

Ketua Menteri Tan Sri Bernard Dompok berkata: "jika kita fikirkan pilihan raya itu penting, saya berpendapat kita harus membincangkannya."

Perdana Menteri dalam lawatan dua harinya ke Sabah, pada Jumaat dan Sabtu dijadual mengadakan pertemuan melancarkan jentera pilihan raya Pemuda Barisan Nasional (BN) dan merasmikan Kongres Keempat Parti Bersatu Rakyat Sabah.

Dr Mahathir juga akan mengadakan pertemuan dengan jemaah menteri negeri.

"Memandangkan beliau akan berada di Sabah, kita akan menggunakan peluang itu untuk membincangkan apa sahaja yang perlu untuk negeri ini," kata Dompok kepada pemberita selepas melancarkan kempen mengibar jalur gemilang peringkat negeri di sini hari ini.

Beliau yakin BN akan mendapat sokongan pada pilihan raya negeri berdasarkan rekod cemerlangnya dalam membela nasib rakyat Sabah.

"BN mempunyai sokongan berdasarkan apa yang kita berikan kepada rakyat. Terpulanglah kepada mereka untuk memberi berapa banyak majoriti kepada BN." katanya.

-- BERNAMA

NT RON